



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

<b>AHAD, 20 JUN 2021</b>	
1	Ibadah korban musim covid-19
2	7,000 ayam penelur hangus
3	Johor izin korban di rumah sembelihan bedaftar
4	Hanya 25 petugas urus ibadah korban di Pulau Pinang
5	7,000, chickens killed in coop fire

**OLEH**

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

# Ibadah korban musim Covid-19

Tiga negeri benarkan laksana ibadah korban mengikut SOP ketat

## KANGAR

**P**erlis membenarkan pelaksanaan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha pada 20 Julai depan dengan pematuhan ketat prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Raja Muda Perlis selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, penyembelihan haiwan korban hanya boleh dilakukan di pusat sembelihan.

Titah baginda, kesemua masjid dibenarkan mengelola ibadah korban, manakala pelaksanaan oleh agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) tertakluk kepada penularan semasa Covid-19.

"Perkara itu mendapat perkenan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail.

"Masjid, surau atau sekolah agama tidak dibenarkan melaksanakan ibadah korban tetapi kebenaran diberikan kepada premis persendirian yang mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis dan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs)," titah baginda.

Pihak yang bercadang mengelola ibadah korban perlu kemukakan Borang Permohonan



Ibadah korban pada sambutan Aidiladha tahun lalu dilaksanakan mengikut SOP MKN.

Ibadah Korban Tahun 1442H/2021M Negeri Perlis kepada Bahagian Dakwah dan Takmir JAIPs selewat-lewatnya tujuh hari sebelum 10 Zulhijjah.

Di **PULAU PINANG**, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang membenarkan ibadah korban diadakan di masjid, surau dan rumah penyembelihan di bawah pihak berkuasa tempatan dan swasta.

Exco Agama Islam, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, hanya 25 petugas dibenarkan terlibat dan mengurus ibadah korban berkenaan.

"Ahli jawatankuasa perlu menetapkan pintu utama laluan masuk dan keluar dengan jarak setiap tempat korban ialah 4.5 hingga enam meter.

"Had sembelihan di masjid dan surau sepanjang tempoh hari tasyrik iaitu 10,11,12 dan 13 Zulhijjah

ialah lima ekor harwan sehari, manakala di rumah penyembelihan pula tiada had ditetapkan," katanya.

Di **JOHOR**, ibadah korban hanya dilaksanakan di rumah sembelihan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

Perkara itu dimaklumkan menerusi satu kenyataan bersama Exco Hal Ehwal Agama Islam negeri, Tosrin Jarvanthi; Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Datuk Md Rofiki Samsudin.

"MAINJ (Majlis Agama Islam Negeri Johor) diperkenankan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang memusulkan bahawa pelaksanaan ibadah korban di masjid dan surau seluruh negeri meliputi aktiviti terbabit adalah tidak dibenarkan," menurut kenyataan itu.



## 7,000 ayam penelur hangus

**Kejadian:** Hampir 7,000 ekor ayam penelur runtuh dalam kebakaran di pusat penternakan di Batu 8 Jalan Kuantan-Segamat di sini, semalam.

Pekerja Mohd Afendi Kamaruzaman, 33, berkata kebakaran disedari pengawal keselamatan bertugas kira-kira jam 6 pagi membabitkan sebuah daripada 24 reban ayam di situ.

"Pasukan bomba yang tiba di lokasi berjaya menyelamatkan 3,000 ekor ayam di reban terlibat dan mengawal api daripada merebak ke reban lain," katanya ketika dihubungi Harian Metro di si-



**Pasukan bomba yang tiba di lokasi berjaya menyelamatkan 3,000 ekor ayam di reban terlibat dan mengawal api daripada merebak ke reban lain"**

**Mohd Afendi**

ni, semalam.

Katanya, kebakaran itu ditahapkan kejadian kedua seumpamanya sejak pusat penternakan terbabit bern-

perasi 30 tahun lalu namun kebakaran sebelum ini hanya membahayakan reban kesong.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang Izzati Abdal Ghani berkata dua jentera bersama 16 pegawai dan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Taman Tis di sini, dan BBP Chini, Pekan dikerjakan ke tempat kejadian.

Kebakaran berjaya dikawal kurang setengah jam kemudian dan pucuk kebakaran masih dalam siasatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.6.2021	METRO AHAD	COVID-19	10

## Johor izin korban di rumah sembelihan berdaftar

**Johor Bahru:** Majlis Agama Islam Negeri Johor (Mainj) memaklumkan pelaksanaan ibadah korban hanya boleh dilaksanakan di rumah sembelihan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

Perkara itu dimaklumkan menerusi satu kenyataan bersama Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Johor Tosrin Jarvanthi, Mufti Johor Datuk Yahya Ahmad dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jainj) Datuk Md Rokiki Samsudin.

Menurut kenyataan itu, ia meliputi urusan menyembelih, melapah, memotong,

menimbang dan membungkus.

Katanya, Mainj diperkenankan Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang memutuskan pelaksanaan ibadah korban di masjid dan surau seluruh Johor meliputi aktiviti terbabit adalah tidak dibenarkan.

"Jawatankuasa pengurusan kariah masjid dan surau yang menganjurkan ibadah korban atau pihak penganjur hendaklah berurusan dengan rumah sembelihan dan bertanggungjawab mengagihkan daging korban kepada penerima tanpa menggunakan kawasan masjid dan surau sebagai tempat agihan.

"Pihak penganjur ibadah

korban hendaklah memastikan haiwan yang hendak dikorbankan mematuhi syarak dan mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar serta arahan lain yang dikeluarkan oleh JPV Johor," kata kenyataan itu.

Bagi pelaksanaan ibadah korban tahun ini, terdapat 115 rumah sembelih sementara di negeri ini, 12 pemegang lesen swasta rumah penyembelihan (ruminan), lima rumah sembelih swasta sementara dan 10 Pejabat Perkhidmatan Veterinar di setiap daerah.

Waktu operasi rumah sembelihan berdaftar adalah tertakluk kepada JPV Johor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah.

## Hanya 25 petugas urus ibadah korban di Pulau Pinang

**Georgetown:** Ibadah korban dibenarkan di Pulau Pinang dengan hanya 25 petugas sahaja dibenarkan menguruskannya di masjid, surau dan rumah penyembelihan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) dan swasta.

Selain itu, petugas mestilah warganegara Malaysia berusia 21 hingga 60 tahun yang mahir melakukan ibadah korban selain memakai apron, pelitup muka dan sarung tangan.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) menerusi kenyataannya berkata, had sembelihan di masjid dan surau sepanjang tempoh hari tasyrik iaitu 10,11,12 dan 13



*Di masjid, jumlah sembelihan dibenarkan adalah 10 ekor bagi lembu, kerbau dan unta, manakala 20 ekor kambing, di surau pula ditetapkan lima ekor bagi lembu, kerbau dan unta serta 10 ekor kambing"*

*Kenyataan JHEAIPP*

Zulhijjah ialah lima ekor haiwan sehari manakala di rumah penyembelihan pula tiada had ditetapkan.

"Di masjid, jumlah sembelihan dibenarkan adalah 10 ekor bagi lembu, kerbau dan unta, manakala 20 ekor kambing.

"Sementara, di surau pula ditetapkan lima ekor bagi lembu, kerbau dan unta serta 10 ekor kambing," katanya.

Katanya, ahli jawatankuasa perlu menetapkan pintu utama laluan masuk dan keluar dengan jarak setiap tempat korban ialah 4.5 hingga enam meter.

Mengulas lanjut JHEAIPP berkata, petugas tidak dibenarkan berkongsi peralatan kerja penyembelihan, melapah dan memotong serta perlu membawa sendiri peralatan yang sudah disanitasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.6.2021	SUNDAY STAR	LOKAL	8

## 7,000 chickens killed in coop fire

**KUANTAN:** About 7,000 chickens died in a fire at a breeding centre owned by LKPP Goldkist in Batu 8, Jalan Kuantan-Segamat here.

An employee, Mohd Afendi Kamarulzaman, said the fire was spotted by security guards in one of the 24 chicken coops at about 6am yesterday.

"Firemen, who arrived at 6.30am,

managed to save 3,000 chickens in the coop and prevented the fire from spreading to other coops," he said when contacted.

Mohd Afendi said the blaze was the second one since the breeding centre started operations 20 years ago.

The previous fire only involved empty coops.

Pahang Fire and Rescue Department assistant director of operations Ismail Abdul Ghani said two fire engines with 16 men from the Taman Tas and Chini fire stations rushed to the scene.

The fire was brought under control in less than 30 minutes. The cause of the fire is still under investigation. — Bernama